

12 APR 1998

Zaharah-Ehsan

TABUNG EHSAN WANITA BERI PULANGAN 13 PERATUS

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Pelaburan Tabung Ehsan Wanita sehingga kini memberi pulangan sebanyak 13 peratus, kata Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Katanya Tabung Ehsan Wanita yang berjumlah kira-kira RM300,000 itu adalah hasil daripada pelaburan tunai 1,000 pelabur dikumpulkan semasa pelancarannya pada 8 Feb lepas.

"Mereka yang melabur dalam projek Ehsan itu puas hati kerana dalam jangka masa yang singkat pulangannya memuaskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Seri Hias 1998 anjuran Anjung Seri, majalah hiasan dalaman, seni bina dan lanskap berbahasa Melayu, terbitan Berita Harian Sdn Bhd dengan kerjasama Hotel Vistana Kuala Lumpur.

Siti Zaharah berkata skim Amanah Saham Wanita, akan dilancarkan pada 5 Mei oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya maklumat lanjut mengenai skim amanah saham itu akan diumumkan pada akhir bulan ini. Setakat ini kerajaan bersetuju sebanyak satu bilion unit saham dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta bagi skim amanah itu. Harga seunit saham ialah 50 sen.

Skim amanah itu akan diselenggarakan oleh kumpulan pakar dan tenaga profesional yang sama dengan Ehsan Wanita iaitu Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Managers Bhd.

Siti Zaharah berkata pelabur Tabung Ehsan Wanita akan diberi pilihan sama ada memindahkan pelaburan mereka ke skim Amanah Saham Wanita, meneruskannya dalam Tabung Ehsan Wanita atau menutup akaun mereka dan mendapat hasil pelaburan.

Terdahulu semasa berucap, beliau berkata hiasan dalaman, seni bina dan lanskap adalah bidang yang boleh mencetuskan minat orang ramai termasuk suri rumah untuk menghasilkan persekitaran yang indah dan menarik.

Bagaimanapun, katanya usaha untuk menceria dan mengindahkan persekitaran dalaman dan luaran rumah bukanlah bergantung kepada harga barangan dan jenama tertentu sebaliknya membabitkan idea kreatif dan inovatif.

"Dalam kegawatan ekonomi, kita boleh fokus usaha pengindahan, hiasan dalaman dan lanskap dengan menggunakan barangan tempatan. Ini akan turut membantu meningkatkan ekonomi kita," katanya. -- BERNAMA

HS MAI